

# Pensyarah UniMAP Dilantik Pengurus Jabatan Akademi IFIA Berpusat Di Switzerland



Pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Madya Dr Mohd Mustafa AlBakri Abdullah mencipta sejarah tersendiri menjadi satu-satunya anak Melayu yang menganggotai International Federation of Inventors Association (IFIa) yang berpusat di Geneva Switzerland. Dr.

Mohd. Mustafa dilantik sebagai Pengurus bagi Jabatan Akademi IFIA yang baru ditubuhkan tahun ini seperti yang diumumkan oleh Presiden IFIA, Alireza Rastegar dalam satu mesyuarat promosi aktiviti-aktiviti yang bakal dianjurkan antara Setiausaha Agung National Research Council of Thailand (NRCT) Prof. Dr. Soottiporn Chittmittrapap, Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) dan IFIA.

Jabatan Akademi IFIA ditubuh bagi menyelaras aktiviti-aktiviti penyelidikan yang memberi fokus kepada program ilmiah selain daripada inovasi seperti bengkel, persidangan, seminar dan kursus jangka pendek. Pemilihan Dr. Mohd Mustafa dibuat selepas mengambil kira keupayaan, pengalaman dan kepakaran yang beliau miliki terutama dalam membudayakan aspek inovasi dan penyelidikan di kalangan penyelidik muda bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.